



Kenyataan Media

MCMC TERIMA ANUGERAH PENGIKTIRAFAN KHAS KERAJAAN & AGENSI TEKNIKAL SELANGOR

CYBERJAYA, 22 November 2025 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Pejabat Negeri Selangor (SSO) telah menerima *Special Recognition Award for Government & Technical Agencies in Selangor* sempena Majlis Selangor Investors Appreciation Award yang berlangsung pada 20 November 2025.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Datuk Dr. Haniff bin Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, dan diterima bagi pihak MCMC oleh Tuan Haji Bukhari Yahya, Ketua Pegawai Hal Ehwal Negeri, MCMC.

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan MCMC melalui SSO dalam menyokong pembangunan infrastruktur komunikasi, meningkatkan kesiapsiagaan teknikal, serta memperkukuh ekosistem pelaburan di Selangor melalui kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri, agensi teknikal dan rakan industri.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, bersama para pelabur dan wakil industri.

MCMC mengucapkan penghargaan kepada seluruh warga SSO dan warga MCMC atas kerjasama padu yang telah menyumbang kepada kejayaan ini. MCMC akan terus komited dalam memperkasa pembangunan infrastruktur komunikasi, meningkatkan ketersambungan, dan menyokong agenda pelaburan negeri serta negara.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

